



**AZIZ HARUN:** Bintang Brunei yang popular dengan lagu 'Senyum' akan mewarnai acara Me(R)du di Studio Annexe Esplanade. – Foto fail



**IMRAN AJMAIN:** Karismanya di pentas boleh dinikmati dalam usaha PBMUKS menggalak generasi muda menghayati keindahan bahasa dan budaya dalam lagu Melayu. – Foto ESPLANADE

## Me(R)du acara persatuan bahasa Melayu NUS

MEMBERI ilham kepada anak Melayu melalui muzik.

Matlamat itu tertera jelas pada akaun Instagram acara *Me(R)du* anjuran siswa Universiti Nasional Singapura (NUS) daripada Persatuan Bahasa Melayu NUS (PBMUKS).

*Me(R)du*, yakni acara mempertingkatkan minat generasi muda terhadap bahasa dan budaya melalui muzik, sampai ke kemuncaknya esok melalui persembahan pada 6.30 petang di Studio Annexe Esplanade.

Persembahan bakal dijayakan bakat tempatan Imran Ajmain, Sufi Rashid dan Sofia Arissa, serta bintang Brunei yang aktif di Malaysia, Aziz Harun.

Awal sebelum konsert kemuncak itu, bengkel menggubah lagu dan menulis lirik diadakan bagi menggalak peserta memanfaatkan

keindahan bahasa Melayu bagi mewarnai karya mereka.

Lagu yang tercipta kemudian dirakam dengan kerjasama syarikat rakaman Leo Productions.

Peserta rancangan *Elit Suria*, Fadzli Jani, yang juga siswa jurusan seni bina di NUS, tampil sebagai pengacara.

Beberapa pelajar NUS yang menggelar diri mereka Dari Segi, kumpulan duo hip hop Banana Bois serta Raihan & Diyana daripada kursus seni bina Politeknik Ngee Ann (NP) pun akan menghiburkan penonton.

Tiket \$10 bagi *Me(R)du* boleh ditempah menerusi pautan <https://docket.sg/merdu19/>.

Hanya ruang berdiri tersedia bagi persembahan ini. Tiada tempat duduk disediakan.

Keterangan lanjut boleh diperolehi menerusi laman Instagram 'merdu2019'.